

NO. SOALAN: 37

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA

TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA [BATU]

TARIKH 15MAC 2016

RUJUKAN 8581

SOALAN:

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah pihak polis telah mengenal pasti dan menahan kawan-kawan Sirul yang menolong untuk membuat video pengakuannya. Apakah langkah-langkah yang sedang diambil pihak Kementerian untuk menyiasat mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak polis telah menerima laporan berkaitan kes ini iaitu Jalan Tun Razak repot 1169/16 mengenai satu artikel yang disiarkan dalam portal Malaysiakini pada 12 Februari 2016 yang mendakwa penama Sirul Azhar Umar telah mendedahkan lima individu yang cuba merasuah atau memujuk beliau untuk mengaitkan Perdana Menteri dalam kes pembunuhan Altantunya Shaariibu. Kes ini telah disiasat dibawah Seksyen 120B dan Seksyen 124C Kanun Keseksaan.

Kes ini masih lagi dalam siasatan termasuk mengenalpasti mereka yang terlibat menghasilkan pembuatan video berkenaan.